



**SAMB**

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

**DOKUMEN TAWARAN**

**RUJUKAN TAWARAN: SAMB / 16 / 2026**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI  
BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD,  
LOT 897, WISMA AIR,  
JALAN HANG TUAH,  
75300 MELAKA.

# **SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

## **DOKUMEN TAWARAN**

**RUJUKAN TAWARAN: SAMB / 16 / 2026**

<p><b>PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</b></p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

### **KANDUNGAN**

<b>BAHAGIAN A</b>	<b>: ARAHAN KEPADA PETENDER</b>
<b>BAHAGIAN B</b>	<b>: PERJANJIAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN</b>
<b>BAHAGIAN C</b>	<b>: BORANG TENDER</b>
<b>BAHAGIAN D</b>	<b>: SURAT AKUAN PEMBIDA DAN SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA</b>
<b>BAHAGIAN E</b>	<b>: SURAT SETUJUTERIMA TENDER (SAMB 100D)</b>
<b>BAHAGIAN F</b>	<b>: BORANG JAMINAN BANK DAN LAIN-LAIN</b>
<b>BAHAGIAN G</b>	<b>: SPESIFIKASI</b>
<b>BAHAGIAN H</b>	<b>: RINGKASAN TAWARAN DAN SENARAI KUANTITI</b>
<b>BAHAGIAN I</b>	<b>: LATARBELAKANG PETENDER</b>

## **SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER**

Penender diwajibkan menghantar dokumen di bawah untuk tujuan penilaian oleh pihak Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Kegagalan pihak tuan/puan menghantar dokumen berikut boleh menyebabkan sebuttharga tuan/puan tidak akan dipertimbangkan.

<b>Bil</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Semakan (Sila Tandakan ✓ Jika Berkaitan)</b>	<b>Semakan Oleh SAMB</b>
	<b><u>PENILAIAN TEKNIKAL</u></b>		
1	Profil Syarikat	(    )	(    )
2	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah (MOF) (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
3	Salinan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
4	Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
5	Sijil IKRAM/SIRIM yang masih sah (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
6	Salinan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
7	Pengalaman Kerja (sila sertakan surat tawaran)	(    )	(    )
8	Senarai Kenderaan dan Peralatan Kerja (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
9	Senarai Nama Pekerja	(    )	(    )
10	Katalog Produk (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
11	Surat perlantikan wakil sah pengedar daripada pengilang. (Jika Berkaitan)	(    )	(    )
12	Jadual Perancangan Kerja Dan Tempoh Siap Kerja Yang Munasabah (Jika Berkaitan)	(    )	(    )

<b><u>PENILAIAN KEWANGAN</u></b>			
16	Salinan bukti pembayaran pembelian dokumen Tender	( )	( )
17	Keseluruhan Dokumen Asal Tender Dikembalikan	( )	( )
18	Harga dan Tempoh Kerja Dicatatkan Dalam Borang Tender	( )	( )
19	Borang Tender Ditandatangani Oleh Pemilik Syarikat	( )	( )
20	Surat Akuan Pembida Dan Surat Akuan Pembida Berjaya Diisi dan Ditandatangani oleh Pemilik Syarikat	( )	( )
21	Penyata Bank 3 Bulan Yang Terkini / Penyata Akaun (2) Tahun yang telah diaudit	( )	( )
22	Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Lengkap Beserta Maklumat Korporat	( )	( )
23	Salinan Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 Bagi Syarikat Sdn Bhd	( )	( )
24	Salinan Sijil Pematuhan Cukai atau Tax Compliance Certificate (TCC)	( )	( )
25	Semua Senarai Kuantiti Dihargakan	( )	( )
26	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihah Dokumen Ditandatangani oleh Pemilik Syarikat	( )	( )
	Lain-lain sijil yang berkaitan:-		
	.....		
	.....		
	.....		

**DISEMAK OLEH SAMB:**

.....  
(Tandatangan Petender)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Syarikat:

.....  
(Tandatangan Pegawai SAMB)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**BAHAGIAN A**  
**ARAHAN KEPADA PETENDER**

## ARAHAN KEPADA PETENDER

### SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD (SAMB)

#### PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

##### 1. PERIHAL TENDER

Tender ini bertujuan untuk mendapatkan perkhidmatan pembekal-pembekal yang berdaftar bagi **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Bangunan Graha Maju Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.**

##### 2. KELAYAKAN PETENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN (KOD BIDANG 220801) dan berdaftar dengan KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) yang masih sah & Mempunyai Pejabat Cawangan di Negeri MELAKA** yang masih sah dan dibenarkan untuk membuat tawaran buat masa ini.

##### 3. DOKUMEN TENDER

Satu Set Dokumen Tender boleh dimuat turun di laman sesawang Syarikat Air Melaka Berhad ([www.samb.com.my](http://www.samb.com.my)). Petender hendaklah mengemukakan bayaran melalui Pindahan Wang ke akaun **Bank Islam 04015010075113 (Syarikat Air Melaka Berhad)** sebanyak **RM 300.00.** Wang ini tidak akan dikembalikan

##### 4. PENYEDIAAN TENDER

4.1 Petender adalah dikehendaki mengisi segala maklumat-maklumat dengan sepenuhnya pada :-

- a) Borang Tender.
- b) Ringkasan Tawaran.
- c) Latarbelakang Petender

4.2 Tulisan hendaklah terang dan dibuat dengan dakwat. Segala kesilapan hendaklah dipotong dengan cermat dan ditandatangani ringkas.

- 4.3 Jumlah harga pada Ringkasan Tawaran hendaklah dipindahkan ke dalam Borang Tender dan sekiranya berlaku perbezaan diantara harga didalam Ringkasan Tawaran dan harga didalam Borang Tender, harga dalam Borang Tender akan diambilkira.

## **5. PENYERAHAN TENDER**

- 5.1 Tender hendaklah dimasukkan kedalam satu sampul surat berlakri dan ditulis di bahagian luarnya dengan tajuk tender tersebut tanpa terdapat apa-apa tanda-tanda yang membolehkan identiti petender dikenali. Sampul surat yang telah berlakri itu hendaklah dihantar kepada:-

**Bahagian Perolehan & Kontrak  
Syarikat Air Melaka Berhad  
Lot 897, Tingkat 7, Wisma Air,  
Jalan Hang Tuah,  
75300 Melaka.**

sebelum **pukul 12.00 tengah hari** pada **15 JUN 2026** .

- 5.1 Mana-mana tender yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan akan ditolak atau dikembalikan semula kepada petender.
- 5.2 Petender-petender hendaklah mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan petender untuk melaksanakan projek yang ditender, disamping kemunasabahan harga tender. Justeru itu, keupayaan petender-petender akan dinilai semasa penilaian tender. Penilaian tender akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan prestasi kerja semasa petender.

**Petender-petender dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen seperti yang dikehendaki sepertimana di dalam Latar belakang petender.**

- 5.3 Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat keatas petender. Sekiranya petender tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen tersebut, tender petender berkenaan akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

## **6. TINDAKAN TATATERTIB**

Earnest Money atau Deposit Tender tidak diperlukan semasa mengemukakan tender. Walau bagaimanapun jika petender menarik balik tawarannya sebelum sesuatu keputusan dibuat atau enggan menandatangani kontrak apabila tendernya diterima dalam tempoh sahlaku tender, iaitu sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender, maka pendaftarannya akan digantung selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama, lima (5) tahun untuk kesalahan kedua dan pendaftarannya akan dibatalkan untuk kesalahan ketiga.

## **7. MAKLUMAT-MAKLUMAT LANJUT**

- 7.1 Jika terdapat apa-apa keraguan keatas makna sebenar mana-mana bahagian dalam dokumen tender, Petender hendaklah menghubungi Pegawai Penguasa untuk mendapatkan penjelasan sebelum menghantar tendernya. Penjelasan tersebut hanya sah jika ia di keluarkan secara rasmi dan bertulis oleh Pegawai Penguasa.
- 7.2 Dari masa ke semasa sebelum tarikh tutup tender, Pegawai Penguasa mungkin akan mengeluarkan pindaan atau tambahan untuk memberi penjelasan atau memperbaiki Dokumen Tender.
- 7.3 Satu salinan pindaan tender akan dikeluarkan secara rasmi kepada petender dan ianya akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender. Penerimaan tambahan tersebut mestilah disahkan ke dalam borang yang dikepilkan bersama-sama dengan pindaan tersebut.

## **8. HAK SAMB UNTUK MENERIMA/MENOLAK TENDER**

SAMB tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender atau memberi sebarang sebab diatas penolakan sesuatu tender. Keputusan Lembaga Tender SAMB adalah muktamad.

## **9. BON PERLAKSANAAN**

Pembekal yang dilantik dikehendaki mengemukakan Bon Perlaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak setahun dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insuran.

## **10. KOS MENENDER**

Segala perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyedia dan mengemukakan tawaran hendaklah dibuat atas perbelanjaan sendiri dan petender tidak dibenarkan membuat apa-apa tuntutan kepada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) berkaitan dengan hal tersebut.

**11.** SAMB tidak akan bertanggungjawab atau membayar perbelanjaan atau kehilangan yang boleh berlaku disebabkan penyediaan dokumen tender dan siasatan di tapak.

**12.** Segala kerja yang dinyatakan dalam kadar harga atau spesifikasi akan dinyatakan di dalam kontrak.

Tarikh:

Tandatangan Petender:

## LAMPIRAN B.

### ARAHAN-ARAHAN YANG PERLU DIMASUKKAN KE DALAM ARAHAN KEPADA PETENDER.

#### A. Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Prestasi Petender.

1. Petender-petender hendaklah mengambil makluman bahawa penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan petender untuk melaksanakan projek yang ditender disamping kemunasabahan harga tender. Justeru itu keupayaan petender-petender akan dinilai semasa penilaian Tender. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan prestasi kerja semasa petender.
2. Untuk membolehkan Penilaian ini dibuat, petender-petender dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama tendernya:-
  - (i) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah, bagi dua (2) tahun kewangan terakhir. (Bagi Syarikat Sdn. Bhd. Sahaja)
  - (ii) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai wang dalam tangan petender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tutup tender
  - (iii) Laporan Bank/Institusi kewangan mengenai kedudukan petender, atas format seperti BORANG CA, dalam satu sampul berlakri.
  - (iv) Salinan Perakuan / Pengesahan siap kerja bagi setiap kerja yang telah Disiap dan disenaraikan di BORANG D.
  - (v) Salinan Borang KWSP `A' bagi bulan caruman terakhir bagi setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil khidmat secara kontrak yang disenaraikan di BORANG E.
  - (vi) Salinan sijil kelulusan / kelayakan setiap kakitangan teknikal kategori A dan B yang disenaraikan di BORANG E.

- (vii) Laporan asal dari Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang G, atas format seperti Borang GA/GA1. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut. Petender WAJIB mengisi Borang GA dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan Petender untuk mengisytiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak.
3. Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan salah satu bahagian daripada dokumen-dokumen (iii), (iv), (v), dan (vi), maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen-dokumen tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh diambil kira dalam penilaian keupayaan petender yang berkenaan melainkan maklumat atau data-data tersebut membawa kesan negatif terhadap nilai keupayaannya. Ini bermakna kriteria-kriteria yang mana penilaiannya memerlukan maklumat atau data-data ini, akan diambil sebagai kosong.
4. Disamping mengemukakan dokumen-dokumen yang tersebut diatas petender-petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini, dengan sempurna dan mengembalikan bersama-sama dengan tender masing-masing.
- (a) BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER.
  - (b) BORANG B - MAKLUMAT AM DAN LATAR BELAKANG PETENDER.
  - (c) BORANG C - DATA-DATA KEWANGAN.
  - (d) BORANG D - REKOD PENGALAMAN KERJA.
  - (e) BORANG E - KAKITANGAN TEKNIKAL.
  - (f) BORANG F - KEPUNYAAN LOJI DAN PERALATAN PEMBINAAN UTAMA.
  - (g) BORANG G - SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA

- (h) BORANG CA- LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PETENDER.
- (i) BORANG GA- LAPORAN PENYELIA PROJEK ATAS PRESTASI KERJA (BUKAN PROJEK SAMB) SEMASA PETENDER.
- (j) BORANG GA1- LAPORAN JURUTERA PROJEK ATAS PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER.

Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Semua butiran perlu diisi dan jawapan yang jelas hendaklah diberikan terhadap semua pertanyaan di dalam borang-borang di atas. Jika perlu helaian tambahan boleh dilampirkan dan setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh petender.

5. Bagi petender usahasama atau gabungan (seperti yang dibenarkan oleh PKK) antara dua atau lebih kontraktor setiap ahli gabungan hendaklah masing-masing melengkapkan borang-borang yang tersebut di atas yang berasingan.
6. Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan oleh petender bersama-sama tendernya sebelum tarikh tutup Tender dan Petender tidak akan berpeluang lagi untuk mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas daripada tarikh dan waktu tutup tender, TIDAK AKAN DITERIMA.
7. Sekiranya petender didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (withold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

**BAHAGIAN B**

**PERJANJIAN PERKHIDMATAN KAWALAN  
KESELAMATAN**

## PERJANJIAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

**PERJANJIAN** ini dibuat pada ..... haribulan ..... tahun 2023

ANTARA

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD (NO. SYARIKAT: 712238-W)** sebuah syarikat yang ditubuhkan dibawah Akta Syarikat 1965 yang beralamat di Lot 897, Wisma Air, Jalan Graha Maju, 75300 Melaka (“SAMB”) bagi satu pihak;

DAN

..... sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai yang beralamat di ..... (“**KONTRAKTOR**”) bagi pihak yang satu lagi.

**SAMB** dan **KONTRAKTOR** akan dirujuk secara individu sebagai “Pihak” atau secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”.

### **BAHAWASANYA:**

- A.** **KONTRAKTOR** ialah sebuah syarikat yang dilesenkan mengikut peruntukan Akta Agensi Persendirian 1971 [*Akta 27*] bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan.
- B.** **SAMB** berkehendak untuk memperoleh perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata di ..... menurut terma dan syarat di dalam Perjanjian ini.
- C.** **SAMB** telah bersetuju untuk melantik **KONTRAKTOR** untuk membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan di ..... menurut terma-terma Perjanjian ini (selepas daripada ini dirujuk sebagai “Perkhidmatan tersebut”)

**MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:**

**1. TAKRIF DAN TERJEMAHAN**

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

**“Kawasan Perkhidmatan”** ertinya premis dan sekitar .....  
seperti mana di **JADUAL A**;

**“Pegawai Keselamatan SAMB”** ertinya pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan Kawasan Perkhidmatan;

**“Penyelia”** ertinya Pengawal yang dilantik untuk mengetuai sesuatu syif;

**“Masa Perkhidmatan”** ertinya waktu Perkhidmatan perlu diberikan oleh **KONTRAKTOR** iaitu .....seperti yang dinyatakan di dalam **JADUAL A**;

**“Pengawal”** ertinya pengawal keselamatan tanpa senjata dan pengawal keselamatan bersenjata yang digaji oleh **KONTRAKTOR** dan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di sub-fasal 7.3 untuk melaksanakan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini;

**“Pegawai Operasi”** ertinya pegawai yang telah dilantik oleh **KONTRAKTOR** sebagai Ketua Operasi bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di .....oleh **KONTRAKTOR**;

**”Tempoh Perkhidmatan”** ertinya jumlah masa Perkhidmatan yang sebenarnya diberikan oleh **KONTRAKTOR** (mengikut kiraan jam) dan telah disahkan oleh **SAMB**.

## 2. **TEMPOH PERJANJIAN**

Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa selama dua (2) **TAHUN** mulai ..... (“Tarikh Mula”) hingga ..... (“Tarikh Tamat”) (selepas daripada ini dirujuk sebagai “Tempoh Perjanjian”).

## 3. **SKOP KERJA**

**KONTRAKTOR** bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan di ..... seperti mana di **JADUAL A** mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

## 4. **BAYARAN PERKHIDMATAN**

4.1 Sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang diberikan oleh **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini, **SAMB** bersetuju untuk membayar kepada **KONTRAKTOR** sebanyak .....  
.....  
(selepas daripada ini dirujuk sebagai “Bayaran Perkhidmatan”) sahaja.

4.2 Butir-butir lengkap mengenai Bayaran Perkhidmatan adalah seperti di **JADUAL B**.

4.3 Tertakluk kepada sub-fasal 4.2 di atas, sekiranya **KONTRAKTOR** gagal menempatkan Pengawal di Kawasan Perkhidmatan pada satu-satu masa, pembayaran tidak akan dibuat bagi masa tersebut. **KONTRAKTOR** juga akan dikenakan penalti seperti mana di sub-fasal 10.1.

4.4 **SAMB** boleh memotong daripada apa-apa wang yang perlu dibayar oleh **SAMB** kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud pembayaran penalti, ganti rugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap **KONTRAKTOR** menurut Perjanjian ini. Sekiranya wang yang perlu dibayar oleh **SAMB** kepada **KONTRAKTOR** itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan **SAMB**, **SAMB** boleh menuntut baki tuntutan itu terus daripada **KONTRAKTOR** dan **KONTRAKTOR** hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menerima tuntutan itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, **SAMB** berhak memotong jumlah yang sama daripada apa-apa wang yang perlu dibayar oleh **SAMB** kepada **KONTRAKTOR** melalui mana-mana Perjanjian lain yang ditandatangani oleh **KONTRAKTOR** dengan **SAMB**.

4.5 **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan invois lengkap bersama dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada **SAMB** dan **SAMB** hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dokumen-dokumen berkenaan diserahkan.

4.6 **KONTRAKTOR** tidak dibenarkan membuat permohonan untuk menaikkan bayaran atau lain-lain tuntutan dalam Tempoh Perjanjian ini melainkan **SAMB** memberi persetujuan secara bertulis.

## 5. BON PELAKSANAAN

5.1 **KONTRAKTOR** dengan ini mengemukakan satu Bon Perlaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank kepada **SAMB** bernilai .....  
..... sahaja yang merupakan lima peratus (5%) dari jumlah harga kontrak setahun yang tidak boleh dibatalkan dari sebuah bank yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia di bawah Undang-Undang Perbankan dan Institusi Kewangan 1989. Tempoh sah laku Jaminan Bank hendaklah meliputi tempoh kontrak dan dua belas (12) bulan selepas tamat Perjanjian.

- 5.2 Sesalinan Bon Pelaksanaan dilampirkan sebagai **JADUAL F**.
- 5.3 **SAMB** berhak untuk membuat tuntutan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada bon pelaksanaan jika **KONTRAKTOR** memungkirkan apa-apa terma atau syarat dalam Perjanjian ini tanpa menjejaskan hak **SAMB** untuk mengambil tindakan undang-undang yang lain.
- 5.4 Sekiranya tuntutan dibuat oleh **SAMB** di bawah bon pelaksanaan ini yang menyebabkan jumlah bon pelaksanaan tersebut berkurangan daripada jumlah yang dinyatakan dalam sub-fasal 5.1, **KONTRAKTOR** hendaklah menyerahkan suatu bon pelaksanaan tambahan kepada **SAMB** mengikut sub-fasal 5.1 di mana **SAMB** hendaklah memegang suatu bon atau bon-bon pelaksanaan yang mempunyai agregat tidak kurang daripada .....  
..... pada setiap masa.

## 6. JUMLAH PENGAWAL KESELAMATAN

- 6.1 **KONTRAKTOR** dikehendaki menggaji dan menentukan seramai ..... orang Pengawal termasuk seorang Penyelia bertugas dalam setiap syif yang ditetapkan dalam **JADUAL A**.
- 6.2 Sekiranya seseorang Pengawal itu bercuti sakit, cuti rehat, cuti kecemasan, tidak hadir bekerja, tidak melapor diri untuk bertugas atau dalam apa jua keadaan tidak menghadirkan diri untuk bertugas, maka **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan pengganti Pengawal tersebut yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di sub-fasal 7.3. Penggantian yang dibuat juga hendaklah diluluskan dan disahkan oleh **SAMB**.
- 6.3 **SAMB** boleh meminta **KONTRAKTOR** menambah atau mengurangkan bilangan anggota Pengawal pada satu-satu kawasan atau pada masa tertentu sekiranya difikirkan perlu oleh **SAMB** selagi mana pertukaran berkenaan tidak melibatkan perbezaan kos dan bilangan keseluruhan Pengawal yang ditentukan di bawah Perjanjian ini.

## 7. OBLIGASI KONTRAKTOR

### 7.1 Perkhidmatan

- (a) **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan Pengawal membuat rondaan, berada dalam dan mengawasi Kawasan Perkhidmatan pada setiap Masa Perkhidmatan seperti yang ditentukan dalam **JADUAL A** di dalam Perjanjian ini.
- (b) **KONTRAKTOR** hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi menjamin dan melindungi keselamatan harta, dokumen, pegawai dan kakitangan **SAMB**.
- (c) **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa seseorang Pengawal tidak dibenarkan menjalankan tugas lebih masa melebihi empat (4) jam daripada tempoh syif yang telah ditetapkan seperti di **JADUAL A**.
- (d) **KONTRAKTOR** hendaklah membekalkan segala alatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh Pengawal dalam memberikan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini sepertimana yang dinyatakan di **JADUAL D**.
- e) **KONTRAKTOR** hendaklah mematuhi Surat Pekeliling Agensi Persendirian bil 1 Tahun 2006 yang dikuatkuasakan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sepertimana yang dinyatakan di **JADUAL E**.
- (e) **KONTRAKTOR** hendaklah sentiasa memastikan bahawa Pengawal:
  - (i) bertanggungjawab menjaga keselamatan tempat atau Kawasan Perkhidmatan dan harta benda **SAMB** yang berada di Kawasan Perkhidmatan tersebut dari kecurian, kerosakan dan kebakaran;
  - (ii) mengawal rapi semua Kawasan Perkhidmatan;
  - (iii) memastikan tiada orang awam atau mana-mana orang yang tidak berkenaan berada di dalam bangunan atau Kawasan Perkhidmatan

tertakluk kepada peraturan-peraturan keselamatan **SAMB** yang berkuatkuasa;

- (iv) tidak dibenarkan menerima kunci mana-mana pejabat dalam bangunan atau Kawasan Perkhidmatan dan memasuki kawasan dalam pejabat terutama sebelah malam kecuali diiringi kakitangan **SAMB** atau ketika kecemasan;
- (v) sentiasa dalam keadaan bersedia dan tidak dibenarkan tidur, membaca majalah/ suratkhbar dan berbual-bual semasa bertugas;
- (vi) melaporkan diri kepada wakil **SAMB** sebelum menjalankan tugas dan bila hendak meninggalkan tugas. Kegagalan Pengawal berbuat demikian adalah dianggap Pengawal tidak hadir bertugas dan tanpa menjejaskan hak **SAMB** di bawah Perjanjian ini **SAMB** boleh mengenakan denda terhadap **KONTRAKTOR** sepertimana yang diperuntukkan dalam sub-fasal 10.1;
- (vii) Kehadiran mesti dicatat menggunakan alat perakam waktu atau buku catatan kehadiran untuk pos pengawal yang tidak ada alat perakam waktu tersebut.
- (viii) tidak dibenarkan meninggalkan pos pengawal untuk keluar makan/menguruskan hal peribadi;
- (ix) membenarkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh pihak **SAMB**, memeriksa dan membuat lawatan-lawatan di tempat-tempat Pengawal bertugas;
- (x) memakai pakaian seragam yang lengkap beserta lencana, lambang syarikat **KONTRAKTOR** dan tanda nama semasa bertugas. Pakaian seragam ini hendaklah telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Pengawal yang tidak memakai pakaian seragam yang lengkap tidak dibenarkan bertugas;

- (xi) membawa alat dan kelengkapan mengawal seperti yang disenaraikan di **JADUAL D** semasa bertugas;
  - (xii) berkelakuan baik, bertatertib, mematuhi peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di Kawasan Perkhidmatan oleh Kerajaan dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan buruk, salah laku atau menyalahi undang-undang dalam masa perkhidmatan dan ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada merokok di dalam Kawasan Perkhidmatan; dan
  - (xv) melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab am yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini dan tanggungjawab-tanggungjawab spesifik yang ditetapkan di **JADUAL C**.
- (f) Dalam keadaan di mana **KONTRAKTOR** tidak memberikan Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya, **SAMB** berhak mendapatkan Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dari punca-punca lain dan jika kos bagi memperoleh Perkhidmatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya daripada punca-punca lain itu melebihi harga dalam Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada **SAMB**.

## 7.2 Pegawai Operasi

- (a) **KONTRAKTOR** hendaklah melantik seorang Pegawai Operasi yang akan bertindak sebagai pegawai perhubungan (*liaison officer*) antara pihak **SAMB** dan pihak **KONTRAKTOR**.
- (b) Pegawai Operasi ini hendaklah boleh dihubungi oleh **SAMB** dua puluh empat (24) jam sehari termasuk pada cuti umum.
- (c) Pegawai Operasi hendaklah menyediakan laporan bulanan yang perlu dikemukakan kepada Pegawai Penguasa **SAMB** **tidak lewat dari tujuh (7) hari** pada setiap awal bulan yang berikutnya.

- (d) Pegawai Operasi hendaklah hadir bersama dengan pihak pengurusan **KONTRAKTOR** ke mesyuarat yang diadakan secara berkala oleh pihak pengurusan **SAMB**.
- (e) Sebarang pertukaran atau pelantikan baru Pegawai Operasi hendaklah dimaklumkan segera secara bertulis kepada pihak pengurusan **SAMB**.

### 7.3 Pelantikan Pengawal

Dalam melantik Pengawal, **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa Pengawal yang dilantik -

- (a) merupakan warganegara Malaysia;
- (b) sihat tubuh badan dan mental. **SAMB** boleh meminta Pengawal yang dibekalkan oleh **KONTRAKTOR** menjalani pemeriksaan perubatan atas kos **KONTRAKTOR** sendiri pada bila-bila masa bagi memastikan syarat ini dipatuhi;
- (c) berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 55 tahun. Pengawal berusia 56 hingga 65 tahun boleh dibenarkan **DENGAN SYARAT SENTIASANYA**, mereka hendaklah mendapat pengesahan pegawai perubatan mengenai tahap kesihatan mereka bagi setiap tahun;
- (d) tidak buta warna dan tidak cacat pendengaran;
- (e) boleh membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu dengan baik;
- (f) tidak mempunyai rekod jenayah. Pengawal yang dilantik hendaklah menjalani dan **LULUS** tapisan keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Mula Perjanjian. Mana-mana Pengawal yang didapati tidak lulus tapisan keselamatan dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlulah diganti dengan pengawal yang **TELAH LULUS** tapisan keselamatan dengan serta-merta;

- (g) **LULUS** ujian air kencing dalam tempoh empat belas (14) hari dari Tarikh Mula Perjanjian. Mana-mana Pengawal yang didapati tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlulah diganti dengan pengawal yang **TELAH LULUS** ujian air kencing dengan serta-merta;
- (h) mempunyai dan memakai Kad Pengenalan Keselamatan (KPPK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri; dan
- (i) menentukan hanya Pengawal yang berpengalaman, terlatih dalam aspek keselamatan dan kebakaran, cekap dan berwibawa ditugaskan untuk memberikan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;

#### **7.4 Laporan Harian dan Aduan**

- (a) **KONTRAKTOR** hendaklah menyenggara buku laporan harian dan memastikan ia dilengkapkan pada setiap hari oleh Pengawal yang bertugas.
- (b) Pengawal yang bertugas hendaklah membuat aduan (serta merta bagi keadaan kecemasan) dan laporan dalam buku laporan harian berhubung setiap peristiwa atau apa-apa kejadian keselamatan.
- (c) **KONTRAKTOR** hendaklah menghantar laporan keanggotaan dan keadaan keselamatan setiap hari dan mengemukakannya kepada wakil **SAMB** untuk semakan.
- (d) Laporan bagi sesuatu hari itu hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada pukul 9.00 pagi hari yang berikutnya.

#### **7.5 Perlindungan Insurans**

- (a) **KONTRAKTOR** hendaklah mengambil insurans bagi setiap Pengawal dan mana-mana pekerja yang ditugaskan melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini terhadap apa-apa kecederaan yang dialami oleh

mereka semasa menjalankan tugas tersebut dan melainkan kecederaan tersebut disebabkan oleh kecuaiian **SAMB**.

- (b) **KONTRAKTOR** hendaklah menanggung rugi **SAMB** terhadap semua tindakan atau tuntutan yang berkenaan dengan kecederaan tersebut.

## 7.6 Keselamatan dan Kerahsiaan

- (a) Dalam menjalankan Perkhidmatan, **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa Pengawal –
- (i) tidak menggunakan kebenaran yang diberikan kepadanya untuk memberi Perkhidmatan bagi mendapatkan sesuatu benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat ia ditugaskan;
  - (ii) hendaklah mengawal dan menjaga keselamatan atau kerahsiaan benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi itu yang diperolehi;
  - (iii) tidak boleh membantu atau membenarkan seseorang lain memiliki apa-apa benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat di mana ia ditugaskan;
  - (iv) hendaklah menyerahkannya dengan serta-merta kepada pihak pengurusan **SAMB** atau mana-mana pegawai awam yang bertugas di ..... jika ia memperolehi atau memiliki sesuatu benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan apa cara sekalipun;
  - (v) tidak boleh memiliki sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meteri atau cop yang berkaitan dengan tempat di mana Perkhidmatan telah, sedang dan akan dibuat; dan
  - (vi) hendaklah melaporkannya dengan segera kepada seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor bersama-

sama dengan kehadiran sekurang-kurangnya seorang pegawai dari pihak pengurusan **SAMB** jika dihampiri oleh seorang yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tujuan mendapatkan sesuatu benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan pejabat atau tempat ia ditugaskan.

- (b) Kegagalan **KONTRAKTOR** mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah sub fasal 7.6(a) terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada **SAMB** untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada **KONTRAKTOR**.

## 8. REPRESENTASI DAN WARANTI

8.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **SAMB** bahawa:

- (a) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (d) pada pelaksanaan Perjanjian ini, ia tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada dalam:
  - (i) Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau
  - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;

- (e) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh **KERAJAAN**; dan
- (f) tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

**KONTRAKTOR** mengambil maklum bahawa **SAMB** telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

## 9. OBLIGASI KERAJAAN

- 9.1 **SAMB** hendaklah membenarkan Pengawal memasuki dan memeriksa mana-mana ruang dalam bangunan di .Kawasan Perkhidmatan dalam masa dan keadaan yang difikirkan oleh **SAMB** adalah perlu bagi menjalankan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian ini.
- 9.2 **SAMB** hendaklah membenarkan **KONTRAKTOR** mengalih dan mengambil mana-mana kelengkapan dan harta kepunyaan **KONTRAKTOR** di tempat-tempat berkawal dan dalam Kawasan Perkhidmatan apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma dan syarat yang diperuntukkan di dalamnya.

## 10. PENALTI

### 10.1 Penalti bagi kegagalan menempatkan Pengawal

- 10.1.1 Dalam keadaan **KONTRAKTOR** tidak dapat menyediakan atau menempatkan bilangan Pengawal yang telah ditetapkan di **JADUAL A**, **KONTRAKTOR** boleh dikenakan penalti sebanyak **Ringgit Malaysia** ..... sahaja bagi Pengawal tanpa senjata dan **Ringgit Malaysia** ..... sahaja bagi Pengawal bersenjata setiap satu jam bagi satu orang.

## 10.2 Penalti bagi sebab-sebab lain

10.2.1 **SAMB** juga boleh mengenakan sejumlah penalti yang akan ditentukan kemudian, sekiranya **KONTRAKTOR** telah menyebabkan kehilangan atau kerosakan harta **SAMB** atas sebab kecuaiian, kelalaian atau salah laku Pengawal.

## 11. PENAMATAN PERJANJIAN

### 11.1 Penamatan oleh **SAMB**

11.1.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** tanpa apa-apa sebab yang munasabah:

- a) menangguhkan pelaksanaan Perkhidmatan tersebut;
- b) gagal memberikan Perkhidmatan tersebut secara tekun dan berterusan;
- c) gagal memberikan Perkhidmatan tersebut atau gagal menjalankan obligasi seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini; atau
- d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini,

**SAMB** hendaklah memberi notis bertulis kepada **KONTRAKTOR** dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta **KONTRAKTOR** untuk meremedikannya dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh notis itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh yang dinyatakan atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh **SAMB**, **SAMB** berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan penamatan tersebut.

11.1.2 **SAMB** berhak dengan serta-merta menamatkan Perjanjian ini sekiranya –

- a) **KONTRAKTOR** pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya; atau
- b) Jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah atau seseorang pemiutang melantik seorang penerima atau pengurus, atau yang memberi hak kepada Mahkamah membuat suatu perintah penggulungan;

11.1.3 Penamatan atas Kepentingan Awam

- a) Walau apapun peruntukan di bawah Perjanjian ini, **SAMB** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada **KONTRAKTOR** (tanpa apa-apa obligasi untuk menyatakan alasan berbuat demikian) setelah mempertimbangkan bahawa penamatan itu perlu untuk kepentingan awam, kepentingan keselamatan negara, atau atas sebab polisi **SAMB** atau polisi awam.
- b) Bagi tujuan fasal ini, apa yang mewujudkan “kepentingan awam”, “kepentingan keselamatan Negara”, “polisi **SAMB**” dan “polisi awam” hendaklah secara keseluruhannya dibuat dan ditentukan oleh **SAMB**. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar.

11.1.4 Penamatan atas sebab Rasuah atau Aktiviti-Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang

- a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak **SAMB**, sekiranya **KONTRAKTOR**, personel, kakitangan atau pekerjaanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-

mana perjanjian lain antara **SAMB** dan **KONTRAKTOR** tersebut, sekiranya ada, **SAMB** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud itu.

- b) Akibat daripada penamatan tersebut, **SAMB** berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **SAMB**
- c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak **KONTRAKTOR** tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

11.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam sub fasal 11.1.1, 11.1.2, 11.1.3 dan 11.1.4, **SAMB** boleh, tanpa memberi apa-apa alasan, menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada **KONTRAKTOR**.

### 11.3 Penamatan oleh **KONTRAKTOR**

11.3.1 Sekiranya **SAMB** tanpa apa-apa sebab yang munasabah gagal menjalankan atau memenuhi obligasinya seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini:

**KONTRAKTOR** hendaklah memberi notis bertulis kepada **SAMB** dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta **SAMB** untuk meremedikannya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis itu. Sekiranya **SAMB** gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh itu atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh **KONTRAKTOR**, **KONTRAKTOR** berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan itu.

11.4 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut sub fasal 11.1, 11.2 dan 11.3 di atas, maka –

- a) kesemua kuasa, hak dan obligasi yang diperuntukkan di dalam Perjanjian ini akan tamat serta-merta;
- b) kedua-dua Pihak akan membayar dan menyelesaikan sebarang jumlah wang yang masih belum dibayar dan kena dibayar kepada Pihak yang satu lagi sebelum penamatan Perjanjian ini; dan
- c) **SAMB** berhak merampas Bon Pelaksanaan di bawah Perjanjian ini.

11.5 Penamatan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan atau mendatangkan prasangka ke atas hak-hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum penamatan Perjanjian ini.

## 12. **FORCE MAJEURE**

12.1 **KONTRAKTOR** dan **SAMB** adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;

- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

12.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.

12.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.

12.4 **KONTRAKTOR** hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum **KONTRAKTOR** dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut sub fasal 12.1.

12.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah sub fasal 12.1 di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

12.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

### 13. JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

13.1 Sebarang pertikaian di antara kedua-dua Pihak hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang terdiri daripada:

- a) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- b) Dua (2) orang Pegawai **SAMB** berpangkat tidak kurang dari Gred 48;
- c) Pengarah Urusan **KONTRAKTOR**; dan
- (d) Satu (1) orang Pegawai **KONTRAKTOR** berpangkat tidak kurang dari Pegawai Eksekutif.

#### 13.2 Pakar Bebas

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang Pakar Bebas bagi memberi nasihat ke atas sebarang perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pakar Bebas yang dilantik tersebut hendaklah dikongsi sama rata oleh kedua-dua Pihak. Pakar Bebas tersebut hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman sebagai seorang yang biasa dan berpengetahuan dalam piawaian dan amalan di dalam industri kawalan keselamatan.

#### 13.3 Penyelesaian Secara Baik

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan prosedur-prosedur bagi mencapai penyelesaian. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah

berjumpa dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara baik di antara kedua-dua Pihak tentang perkara yang dirujuk kepadanya.

#### 13.4 Kegagalan Mencari Penyelesaian

Jika sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh kedua-dua Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh kes dirujuk, maka kedua-dua Pihak bolehlah merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada Penimbang Tara menurut fasal 14.

### 14. PENAFIAN

Kegagalan **SAMB** atau **KONTRAKTOR** dalam menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

### 15. HAKMILIK DOKUMEN-DOKUMEN PERJANJIAN

Dokumen Perjanjian ini hendaklah sentiasa menjadi hak milik **SAMB**. **SAMB** hendaklah membekalkan kepada **KONTRAKTOR** satu (1) salinan asal Perjanjian ini yang telah ditandatangani.

### 16. PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISYEN

16.1 Pihak **KONTRAKTOR** adalah dilarang daripada membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi mana-mana pegawai **SAMB** apa-apa pemberian, sebarang bentuk balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju melakukan apa-apa perbuatan yang berkaitan rapat dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia.

16.2 Jika didapati berlakunya pelanggaran sub fasal 17.1 oleh **KONTRAKTOR**, ejen-ejen atau pekerja-pekerjanya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan **KONTRAKTOR**) berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], maka **SAMB** sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan daripada **KONTRAKTOR** apa-apa ganti rugi yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

## 17. WAKIL SAMB

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia atau pegawai yang dilantik olehnya secara bertulis hendaklah menjadi wakil **SAMB** yang mempunyai kuasa penuh untuk bertindak bagi pihak **SAMB** berhubung Perjanjian ini.

## 18. NOTIS

18.1 Apa-apa notis, persetujuan, kebenaran atau permintaan yang perlu diberi atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai telah diberi atau dibuat apabila ia telah disampaikan dengan tangan, pos berdaftar atau faks kepada Pihak yang satu lagi kepada alamat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di bawah atau di alamat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana Pihak kepada Perjanjian ini dari masa ke semasa secara bertulis:

(a) bagi pihak **SAMB**:

Lot 897, Wisma Air,  
Jalan Hang Tuah,  
Jalan Graha Maju,  
75300 Melaka  
No. telefon: (06-2921769)  
No. faks : (06-2921792)

(b) bagi pihak **KONTRAKTOR**:

.....  
.....  
.....  
.....

No. telefon: .....

No. faks : .....

18.2 Pihak-pihak hendaklah memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pihak yang satu lagi, daripada tarikh berlaku pertukaran alamat atau entiti.

## 19. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan berdasarkan kepada Undang-Undang di Malaysia dan Kedua-dua Pihak sebulat suara bersetuju bahawa Perjanjian ini berada sepenuhnya di bawah bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

## 20. GANTI RUGI

20.1 **KONTRAKTOR** hendaklah membayar ganti rugi kepada **SAMB** daripada dan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja ganti rosak, tanggungan, kerugian dan kos perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas **SAMB** sebagai akibat yang langsung daripada pelanggaran syarat-syarat Perjanjian ini oleh **KONTRAKTOR**.

20.2 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab terhadap segala tindakan sivil, tuntutan, saman, kerugian, kerosakan harta benda, kecederaan, ganti rugi, kos perbelanjaan atau lain-lain yang dikenakan kepada **SAMB** akibat tindakan, kegagalan atau kecuaiian **KONTRAKTOR** dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

## 21. SUBKONTRAK

- 21.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh memajakkan semua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa subkontrak bagi tujuan melaksanakan Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada **SAMB**
- 21.2 Kebenaran yang diberikan oleh **SAMB** kepada **KONTRAKTOR** terhadap apa-apa pemajakan atau subkontrak bagi semua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini tidak akan melepaskan **KONTRAKTOR** dari semua obligasinya di bawah Perjanjian ini dan **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab kepada **SAMB** terhadap apa-apa keingkaran yang dilakukan atau disebabkan oleh pihak penerima pajakan atau subkontraktor itu.
- 21.3 Sekiranya **SAMB** membenarkan pemajakan atau subkontrak dijalankan, satu perjanjian pajakan atau perjanjian subkontrak yang melibatkan pihak ketiga bagi maksud sub fasal 21.2 di atas perlu ditandatangani oleh pihak-pihak yang berkenaan dan Perjanjian tersebut hendaklah dikemukakan kepada **SAMB** sebelum sebarang transaksi pemajakan atau subkontrak dijalankan.
- 21.4 Walau apapun yang dinyatakan di sub fasal 21.1, 21.2 dan 21.3 di atas, **SAMB** tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan bayaran daripada mana-mana pihak ketiga yang berbangkit daripada perjanjian subkontrak atau transaksi pemajakan yang dimasuki oleh **KONTRAKTOR** dan pihak ketiga bagi maksud melaksanakan transaksi di bawah Perjanjian ini.

## 22. SERAH HAK

**KONTRAKTOR** tidak boleh menyerah hak kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada **SAMB**

## 23. KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos dan duti stem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh **KONTRAKTOR**.

## 24. INDEMNITI

24.1 **SAMB** tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa ganti rugi atau pampasan kepada sesiapa yang berada dalam penggajian **KONTRAKTOR** atau sesiapa yang lain yang mengakibatkan kerosakan kepada harta benda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak, atau kerugian itu adalah akibat daripada mana-mana tindakan atau keingkaran **SAMB**, pekerja-pekerjanya atau ejen-ejennya yang mana **SAMB** akan bertanggungjawab dari segi undang-undang.

24.2 **KONTRAKTOR** hendaklah mengindemnitikan **SAMB** berkaitan dengan tuntutan-tuntutan terhadap **SAMB** bagi kecederaan atau kerugian yang dihadapi oleh orang tersebut dan kerosakan kepada harta benda termasuk harta benda **SAMB** yang mungkin timbul akibat dari kecuaiian, peninggalan atau keingkaran **KONTRAKTOR**, Pengawal, ejen-ejennya atau kontraktor-kontraktor kecil yang diberi kuasa atau sebarang keadaan yang di bawah kawalannya.

## 25. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

25.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

25.2 **KONTRAKTOR** hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

25.3 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan Pengawal dan mana-mana **KONTRAKTOR** kecil yang dilantik di bawah fasal 22 turut mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak

yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

## **26. PINDAAN**

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui suatu perjanjian tambahan dan dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

## **27. KERAHSIAAN**

27.1 **KONTRAKTOR** adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi daripada **SAMB** sepanjang Tempoh Perjanjian ini.

27.2 Tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada **SAMB**, **KONTRAKTOR** tidak boleh menyampaikan apa-apa maklumat sulit atau rahsia yang diperolehi oleh **KONTRAKTOR** semasa berurusan dengan **SAMB** kepada mana-mana orang, syarikat, pertubuhan atau organisasi. **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat kenyataan kepada orang awam mengenai apa-apa cadangan, penilaian atau pandangan yang dibuat berdasarkan kepada Perjanjian ini dan **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat sebarang kenyataan akhbar mengenai perkara-perkara di atas tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada **SAMB** terlebih dahulu.

## **28. MASA**

Masa hendaklah menjadi inti pati dalam Perjanjian ini.

## **29. IKATAN PERJANJIAN**

Perjanjian ini hendaklah mengikat ejen-ejen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindahmilik **KONTRAKTOR**.

## **30. APENDIKS/JADUAL**

Apendiks/Jadual di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian ini.

### 31. KEUTAMAAN (“*PRECEDENCE*”)

Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma-terma yang terkandung di dalam mana-mana dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini, maka dokumen-dokumen tersebut hendaklah diterima pakai menurut susunan keutamaan seperti berikut –

- (a) Perjanjian ini yang telah ditandatangani;
- (b) jadual-jadual yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini;
- (c) apa-apa dokumen lain yang dirujuk di dalam Perjanjian ini (sekiranya ada).

### 32. KEBOLEHASINGAN (“*SEVERABILITY*”)

32.1 Jika mana-mana klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini di dapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang semasa atau undang-undang masa depan, klausa atau peruntukan atau bahagian tersebut akan dibolehasingkan sepenuhnya (“*fully severable*”).

32.2 Sekiranya perkara yang dinyatakan di sub fasal 33.1 berlaku, Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa atau peruntukan atau bahagian yang lain akan kekal dengan sepenuh kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas oleh klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Perjanjian ini.

32.3 Sebagai ganti kepada klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut, akan ditambah kepada Perjanjian ini secara automatik klausa atau peruntukan atau bahagian (yang seberapa hampir yang boleh maksudnya dengan klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut) yang sah, tidak batal dan boleh dilaksanakan bagi merealisasikan niat kedua-kedua Pihak.

### **33. KESELURUHAN PERJANJIAN**

Perjanjian ini merujuk kepada persetujuan sepenuhnya kedua-dua Pihak berhubung inti pati Perjanjian ini dan membatalkan serta menggantikan apa-apa persetujuan sebelum ini, dorongan atau syarat nyata atau tersirat, sama ada secara lisan ataupun bertulis.

**[Ruangan di bawah sengaja dibiarkan kosong]**

**PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS**, Pihak-Pihak pada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Untuk dan bagi pihak

**SAMB** dihadapan:

Nama )  
No. K/P ) .....  
Jawatan ) (Tandatangan)

Disaksikan oleh:

Nama )  
No. K/P ) .....  
Jawatan ) (Tandatangan)

Untuk dan bagi pihak

**KONTRAKTOR** dihadapan:

Nama )  
No. K/P ) .....  
Jawatan ) (Tandatangan)

Disaksikan oleh:

Nama )  
No. K/P ) .....  
Jawatan ) (Tandatangan)

**JADUAL A**

**JADUAL WAKTU TUGASAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERIHAL KAWASAN</b>	<b>SYIF 1 (*MASA)</b>		<b>SYIF 2 (*MASA)</b>		<b>JUMLAH JAM BEKERJA</b>
		<b>BILANGAN ANGGOTA</b>	<b>BIL. JAM BEKERJA (JAM)</b>	<b>BILANGAN ANGGOTA</b>	<b>BIL. JAM BEKERJA (JAM)</b>	
1.						
<b>Jumlah</b>						

**JADUAL B**

**BAYARAN PERKHIDMATAN**

**Harga Kontrak**

.....

**Harga sebutharga**

.....

**Cukai Barang dan Perkhidmatan**

.....

**JADUAL C**  
**TANGGUNGJAWAB SPESIFIK**

**1. PENGAWAL KESELAMATAN TANPA SENJATA (“PENGAWAL TANPA SENJATA”)**

- 1.1 Memastikan agar para pelawat mematuhi waktu melawat yang dikuatkuasakan oleh SAMB dari masa ke semasa.
- 1.2 Memastikan agar hanya individu yang dibenarkan berada di dalam Kawasan Perkhidmatan selepas waktu melawat yang dikuatkuasakan oleh SAMB dari masa ke semasa.
- 1.3 Menjaga dan mengawasi lalulintas kereta serta lot-lot parkir yang telah dikhususkan kepada pegawai-pegawai SAMB supaya tidak digunakan oleh orang lain.
- 1.4 Mengawal lalulintas terutama sekali pada waktu puncak (*peak hours*) dan lawatan orang kenamaan.
- 1.5 Memastikan agar orang awam meletakkan kenderaan di tempat yang telah ditetapkan agar tidak mengganggu laluan kenderaan lain.
- 1.6 Pengawal Peronda
  - 1.6.1 Membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat *clocking* setiap .... sekali di tempat-tempat yang telah ditetapkan di **JADUAL A**.
  - 1.6.2 Sekiranya terdapat perkara yang menimbulkan syak atau di luar kebiasaan, laporan hendaklah dikemukakan kepada Penyelia atau Pegawai Operasi dan pihak pengurusan ..... dengan kadar segera.

- 1.6.3 Semasa rondaan, Pengawal Peronda bertugas hendaklah memastikan semua pintu berada dalam keadaan berkunci selepas masa pejabat.

## 2. PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA (“PENGAWAL BERSENJATA”)

- 2.1 Hendaklah memiliki lesen senjata api dan Lesen B (C&U) yang diluluskan oleh Polis Diraja Malaysia di atas nama syarikat **KONTRAKTOR** sebelum menjalankan tugas kawalan. Tidak dibenarkan menggunakan senjata api yang didaftarkan atas nama syarikat lain atau persendirian.
- 2.2 Sentiasa mematuhi syarat-syarat pemilikan dan pengendalian senjata api yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (PTO No. 1).
- 2.3 Tidak dibenarkan sama sekali untuk melepaskan tembakan kecuali untuk mempertahankan nyawanya sendiri, orang awam atau harta benda di bawah kawalannya ketika terancam. Tembakan amaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.4 Tidak dibenarkan mengarahkan senjata ke arah sesiapaupun tanpa sebab.
- 2.5 Tidak dibenarkan sama sekali bermain-main senjata api semasa bertugas.
- 2.6 Tidak dibenarkan sama sekali menjalankan tugas-tugas selain daripada kawalan bersenjata.

## 3. KETUA PENGAWAL KESELAMATAN (“PENYELIA”)

- 3.1 **KONTRAKTOR** hendaklah melantik seorang Penyelia bagi setiap syif sebagai orang yang bertanggungjawab menjaga disiplin dan kebajikan Pengawal yang bertugas di dalam syif tersebut.
- 3.2 Penyelia hendaklah memastikan Pengawal sentiasa berada di pos masing-masing.

- 3.3 Sebarang pertukaran atau pelantikan baru Penyelia hendaklah dimaklumkan segera secara bertulis kepada pihak pengurusan **SAMB**
- 3.4 Penyelia hendaklah membuat *roll call* setengah jam sebelum sesuatu syif bermula. Semasa *roll call* diadakan, Ketua Pengawal hendaklah memastikan pengawal keselamatan yang bertugas bagi syif tersebut hadir tepat pada masa dan berpakaian seragam dengan kemas serta lengkap. Sebarang makluman, teguran dan taklimat keselamatan berkaitan tugas pada hari tersebut juga boleh disampaikan semasa *roll call* diadakan.

#### **4. PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN TRANSIT WANG TUNAI SERTA BARANG BERHARGA (CVIT)**

**KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa pengurusan dan pengendalian transit wang tunai serta barang berharga (CVIT) hendaklah dilaksanakan selaras dengan Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 2 Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri seperti di **JADUAL G**.



**JADUAL E**

**Surat Pekeliling Agensi Persendirian bil 1 Tahun 2006**



## **KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**

### **SURAT PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BIL. 1 TAHUN 2006**

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

#### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN LESEN SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN PERSENDIRIAN**

#### **TUJUAN**

1. Tujuan Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1/2006 ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan persendirian mengenai syarat-syarat Pembaharuan Lesen di bawah Akta Ejenji Persendirian 1971 bagi tahun 2007.

#### **LATARBELAKANG**

2. Mengikut Seksyen 3 (4) Akta Ejenji Persendirian No. 27/71 (Perkhidmatan Kawalan Keselamatan), semua syarikat kawalan keselamatan persendirian perlu memperbaharui lesen masing-masing sebelum 31 Disember pada tiap-tiap tahun. Kegagalan pembaharuan lesen berkaitan menyebabkan syarikat telah melanggar syarat lesen yang ditetapkan dan bermakna syarikat beroperasi secara haram.

3. Syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan persendirian merupakan satu perkhidmatan yang penting dalam membantu PDRM untuk menjaga keselamatan awam. Sejak kebelakangan ini, Kementerian mendapati banyak rungutan dan rasa tidak puas hati telah dilaporkan di dalam akhbar dan media cetak yang lain mengenai kelemahan perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan..

Selain daripada itu Kementerian juga mendapati terdapat syarikat kawalan keselamatan yang telah melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan seperti:

- 3.1. Menggaji atau mengambil bekerja mereka yang mempunyai latar belakang yang meragukan;
- 3.2. Menempatkan pengawal yang tidak terlatih di tempat yang strategik seperti di Bank-Bank;
- 3.3. Pengambilan/pemilihan pengawal dibuat terburu-buru tanpa meneliti latar belakang dan keadaan pemohon. Pengambilan/penerimaan dibuat semata-mata menggantikan kekosongan ekoran pengawal yang sedia ada berhenti;
- 3.4. Pertukaran Pengerusi, Pengarah Urusan/Pengarah Eksekutif, Pengarah atau Pemegang Saham yang dibuat tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- 3.5. Tidak mencarum di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Socso;
- 3.6. Kegagalan membayar gaji pengawal atau membayar kurang dari gaji yang sepatutnya tanpa memberi penjelasan kepada pengawal berkaitan;
- 3.7. Tidak mematuhi syarat dan warna pakaian seragam yang ditetapkan oleh Kementerian;
- 3.8. Memajak atau menyewakan lesen Agensi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan;
- 3.9. Gagal mematuhi syarat latihan mengikut kuota yang ditetapkan;
- 3.10. Mempunyai kawalan yang lemah terhadap pengurusan syarikat termasuk pengurusan di peringkat cawangan;

- 3.11. Melantik pengurusan cawangan yang telah ditugaskan oleh Syarikat Kawalan yang lain bagi menjimatkan kos; dan
  - 3.12. Syarikat tidak menyatakan jumlah sebenar bilangan pengawal yang digaji supaya jumlah pengawal yang perlu dilatih bagi memenuhi kuota latihan yang ditetapkan oleh Kementerian adalah kecil;
4. Tindakan melanggar syarat yang ditetapkan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 adalah merupakan satu kesalahan dan sesuatu yang tidak sewajarnya dilakukan. Oleh itu semua Syarikat Kawalan Keselamatan adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan. Seterusnya Kementerian telah memperkenalkan syarat-syarat tambahan seperti di para 6 bagi pembaharuan lesen di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tahun 2007.

#### **KUASA-KUASA BERKAITAN**

5. Surat Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3 (2) Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tujuan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan persendirian.

#### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN MEMBAHARUI LESEN TAHUN 2007**

6. Bagi tujuan pembaharuan lesen di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 untuk tahun 2007, semua syarikat kawalan keselamatan dikehendaki mematuhi syarat-syarat tambahan berikut:
- 6.1. Mencapai matlamat melatih sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keseluruhan pengawal keselamatan (termasuk warganegara Nepal) yang di gaji sehingga akhir 2006. Syarikat dikehendaki mengemukakan **kembaran A** yang mengandungi butir-butir pengawal yang menghadiri kursus ke urus setia di Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM);

- 6.2. Semua pengawal keselamatan yang telah lulus tapisan dan menghadiri kursus diwajibkan memakai kad keselamatan yang dikeluarkan oleh KKDN. Kegagalan ini akan menyebabkan pembaharuan lesen tidak diluluskan; dan
- 6.3 Syarikat dikehendaki menjadi ahli Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM).
7. Selain dari syarat-syarat tambahan di atas, semua syarikat adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam syarat-syarat lesen di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 seperti di Lampiran A.
8. Kegagalan syarikat mematuhi syarat tambahan dan syarat lesen di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 akan menyebabkan lesen tidak boleh diperbaharui dan syarikat akan dikenakan tindakan mengikut Akta berkenaan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1/2006 ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI ABDUL AZIZ MOHD. YUSOF)**

Ketua Setiausaha

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Tarikh

: 7.8.2006

s.k. Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia  
(PPKKM)

**SYARAT-SYARAT LESEN DIBAWAH SEKSYEN 3 AKTA NO. 27/71**

**UNTUK MENGURUSKAN AGENSI PERSENDIRIAN KAWALAN**

**1. Pengambilan Pekerja Dan Pengawal**

- (a) Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan untuk diambil bekerja. Pengambilan pekerja-pekerja di semua peringkat hendaklah mencerminkan masyarakat Malaysia.
- (b) Satu perlima (1/5) daripada pengawal-pengawal Agensi Perkhidmatan Kawalan dikehendaki terdiri dari bekas Polis dan Bekas Tentera.
- (c) Pekerja-pekerja hendaklah diambil dari mereka yang mempunyai watak yang baik.
- (d) Hanya warganegara asing bekas tentera warganegara Nepal sahaja yang dibenarkan untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.**
- (e) Pengawal beruniform mestilah sekurang-kurangnya berukuran 1.57 meter (5' 2") tinggi bagi lelaki dan 1.52 meter (5') bagi wanita, manakala berat badan 47.6 kg. (105 paun) bagi lelaki dan 46.2 kg.(102 paun) bagi wanita.
- (f) Pengambilan pekerja dan pengawal mestilah mendapat kelulusan tapisan keselamatan dari Polis dan lulus ujian air kencing.
- (g) Pengambilan pengawal keselamatan berumur lebih 60 tahun tidak dibenarkan. Bagi pengawal yang berumur 56 tahun dan ke atas hendaklah mendapat pengesahan dari doktor mengenai tahap kesihatannya.**
- (h) Pengambilan pengawal hendaklah sihat dan pengesahan dari doktor adalah diperlukan bagi setiap pengawal yang diambil bekerja.

- (i) Semua pengawal keselamatan diwajibkan menjalani ujian air kencing di mana-mana klinik kesihatan dalam tempoh 7 hari (bekerja) dari tarikh ia dilantik sebagai pengawal keselamatan. Bagi pemeriksaan kesihatan yang lain ia tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh syarikat.
- (j) Seseorang pemohon hanya boleh memulakan tugas sebagai pengawal keselamatan selepas 7 hari (bekerja) dari tarikh ia dilantik sebagai pengawal keselamatan. Ia perlu diberikan latihan *in-house* tidak kurang dari seminggu sebelum memulakan tugas di tempat yang bersesuaian.
- (k) Hanya pengawal yang telah lulus tapisan keselamatan dan ujian air kencing dibenarkan bekerja.
- (l) Semua pengawal keselamatan hendaklah mengikuti kursus asas pengawal keselamatan yang ditetapkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam tempoh 3 bulan setelah pengawal diambil bekerja.
- (m) Pengambilan pekerja secara kontrak tidak dibenarkan.

## 2. Alat-Alat Dan Pakaian Pengawal

- (a) Agensi Perkhidmatan Kawalan yang diberi kebenaran memiliki senjata api oleh Polis adalah dikehendaki melaporkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bilangan dan jenis senjata api yang dimiliki pada setiap tahun.
- (b) Agensi Perkhidmatan Kawalan yang dibenarkan memiliki senjata api adalah dikehendaki menyediakan sebuah bilik kebal ataupun peti besi yang sesuai untuk menyimpan senjata dan peluru dengan selamat.
- (c) Agensi Perkhidmatan Kawalan yang dibenarkan memiliki senjata api dan peluru adalah dikehendaki menyimpan buku daftar untuk merekodkan pergerakan keluar masuk senjata api.
- (d) Anggota Agensi Perkhidmatan Kawalan yang dibenarkan membawa dan mengguna senjata api hendaklah diberi latihan

yang cukup tentang cara membawa, mengguna, menjaga dan menyimpan senjata api. Latihan menembak hendaklah diadakan dari semasa ke semasa, sekurang-kurangnya dua kali setahun.

- (e) Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah menggunakan senjata api miliknya sendiri untuk tujuan kawalan. Senjata api kepunyaan pengawal atau senjata api RELA adalah dilarang sama sekali daripada digunakan. Walau bagaimanapun, sekiranya agensi itu hendak menggunakannya juga, kelulusan Polis adalah diperlukan untuk meminda syarat kegunaan senjata api berkenaan.
- (f) Agensi Perkhidmatan Kawalan tidak dibenarkan menggunakan gari.
- (g) Pengawal-pengawal keselamatan hendaklah memakai pakaian seragam hendaklah memakai pakaian seragam yang ditetapkan iaitu :

	<b>Warna Baju kemeja</b>	<b>Warna Seluar</b>
<b>Kombinasi 1</b>	<b><i>Beige</i></b> <b>(kod warna: MS 888 14)</b>	<b>Hitam</b> <b>(kod warna: MS 888 9)</b>
<b>Kombinasi 2</b>	<b>Putih</b> <b>(kod warna: MS 888 8)</b>	<b>Biru gelap</b> <b>(kod warna: MS 888 8021)</b>
<b>Kombinasi 3</b>	<b>Kelabu Biru</b> <b>(kod warna: MS 888 8005)</b>	<b>Biru gelap</b> <b>(kod warna: MS 888 8021)</b>

**Warna-warna lain tidak dibenarkan. Lambang atau lencana syarikat hendaklah dipakai di pakaian seragam semasa menjalankan tugas. Lencana atau lambang yang digunakan hendaklah mendapat kelulusan dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.**

- (h) Penggunaan sistem 'Central Monitoring System' perlu mendapat kelulusan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Polis.

### **3. Cawangan / Pejabat Operasi.**

**(a)Agensi Perkhidmatan Kawalan tidak dibenarkan membuka cawangan-cawangan atau operasi tanpa kelulusan dari Menteri Keselamatan Dalam Negeri.**

**(b)Lesen Agensi Perkhidmatan Kawalan tidak sekali-kali dibenarkan untuk dipajak atau disewakan.**

**(c)Pejabat-pejabat cawangan atau operasi hendaklah mendapat tapisan keselamatan dan taksiran kesesuaian oleh Polis.**

4. Seseorang Pengarah Agensi Perkhidmatan Kawalan adalah dilarang menjadi Pengarah kepada lebih dari sebuah syarikat Agensi Perkhidmatan Kawalan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79/65 tanpa kebenaran Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

**5. Sebarang pertukaran Pengerusi, Pengarah Urusan / Pengarah Eksekutif, Pengarah atau Pemegang Saham hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan menyatakan sebab-sebab penukaran perlu dibuat.**

**6. Persetujuan dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hendaklah diperoleh terlebih dahulu oleh Agensi Perkhidmatan Kawalan untuk menukar nama, alamat cawangan / operasi, urusan perkongsian (partnership) dan urusan syarikat (corporation) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79/ 65 atau sebaliknya.**

### **7. Daftar Syarikat**

(a)Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah mengemukakan, tidak lewat daripada 7hb. Pada tiap-tiap bulan Daftar Pekerja melalui Borang F menurut Kaedah 9 di bawah Kaedah-kaedah Agensi Persendirian 1970 dengan maklumat tambahan yang berikut :-

(i) Nombor keahlian Kumpulan Wang Simpanan pekerja (KWSP) ;

(ii) Nombor polisi insurans PERKESO bagi tiap-tiap pekerja ;

- (iii) Butir-butir mengenai pekerja-pekerja yang terdiri dari bekas Polis dan Bekas Tentera ;
- (iv) Daftar Pekerja di cawangan hendaklah dikirim secara berasingan ;
- (v) Mengemukakan daftar pekerja warganegara Nepal mengikut format di Lampiran 1.

8. Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah mematuhi semua undang-undang pekerjaan seperti Akta Kerja 1955.

9. Agensi Perkhidmatan Kawalan dikehendaki mengemukakan Laporan Tahunan bersama Kira-Kira Tahunan yang telah diaudit tidak lewat daripada 31hb Mac dalam tahun yang berikutnya.

10. Struktur pemilikan saham / ekuiti dalam sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79/65 hendaklah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

**11. Sebarang pemindahan saham syarikat Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Menteri Keselamatan Dalam Negeri.**

12. Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah bersedia membekalkan sebarang maklumat yang diperlukan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan, pada bila-bila masa sahaja ianya di minta.

**13. Penggunaan anjing untuk tujuan menjalankan kawalan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan persetujuan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.**

14. Setiap Agensi Perkhidmatan Kawalan adalah dikehendaki mengambil perlindungan insurans bagi anggota pengawal dan barang yang dikawal.

**15. Agensi Perkhidmatan Kawalan hendaklah menjadi Ahli Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM). Semua Ahli Persatuan hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh PPKKM antaranya mengenai tawaran sebut harga.**

16. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan di atas akan mengakibatkan penarikan balik lesen agensi berkenaan.

## **SYARAT-SYARAT LESEN DI BAWAH SEKSYEN 3 AKTA NO. 27/ 71**

### **UNTUK MENGURUSKAN AGENSI PENYELARAS INSURAN PIHAK KETIGA.**

#### **1. Pengambilan Pekerja**

- (a) Pengambilan pekerja-pekerja di semua peringkat hendaklah mencerminkan masyarakat Malaysia.
- (b) Pekerja-pekerja hendaklah diambil dari mereka yang mempunyai watak yang baik.
- (c) Pengambilan pekerja warganegara asing sebagai pekerja dilarang sama sekali.
- (d) Pengambilan pekerja mestilah mendapat kelulusan tapisan keselamatan dari Polis.
- (e) Pengambilan pekerja hendaklah sihat dan pengesahan dari doktor adalah diperlukan.
- (f) Pengambilan pekerja secara kontrak tidak dibenarkan.

#### **2. Cawangan / Pejabat Operasi.**

- (a) **Pembukaan cawangan-cawangan atau operasi oleh Agensi Penyelaras Insurans hendaklah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum kelulusan muktamad diperoleh daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.**
- (b) **Lesen Agensi Penyelaras Insurans tidak sekali-kali dibenarkan untuk dipajak atau disewakan.**

3. Seorang Pengarah Agensi Penyelaras Insurans adalah dilarang menjadi Pengarah kepada lebih dari sebuah syarikat Agensi

Penyelaras Insurans yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79 / 65 tanpa kebenaran Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

**4. Sebarang pertukaran Pengerusi, Pengarah Urusan / Pengarah eksekutif, Pengarah atau Pemegang Saham hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan menyatakan sebab-sebab penukaran perlu dibuat.**

**5. Persetujuan dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dikehendaki diperoleh terlebih dahulu oleh Agensi Penyelaras Insurans untuk memindahkan sebarang modal saham syarikat dan menukar nama, alamat Agensi Penyelaras Insurans atau cawangan / operasinya dan urusan tuan punya tunggal (soleproprietor) kepada urusan perkongsian (partnership) atau urusan syarikat (corporation) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79/65 atau sebaliknya.**

**6. Daftar Syarikat**

(a) Agensi Penyelaras Insurans hendaklah mengemukakan tidak lewat daripada 7hb pada tiap-tiap bulan, Daftar Pekerja melalui Borang F menurut Kaedah 9 di bawah Kaedah-Kaedah Agensi Persendirian 1970 dengan maklumat tambahan yang berikut :-

- (i) Nombor Keahlian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- (ii) Nombor polisi insurans PERKESO bagi tiap-tiap pekerja;
- (iii) Butir-butir mengenai pekerja-pekerja yang terdiri dari Bekas Polis dan Bekas Tentera;
- (iv) Daftar pekerja di cawangan hendaklah dikirimkan secara berasingan.

7. Agensi Penyelaras Insurans hendaklah mematuhi semua undang-undang pekerjaan seperti Akta Kerja 1955.

8. Agensi Penyelaras Insurans dikehendaki mengemukakan Laporan Tahunan bersama Kira-Kira Tahunan yang telah diaudit tidak lewat daripada 31hb Mac dalam tahun yang berikutnya.
9. Struktur pemilikan saham / ekuiti dalam sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat No. 79 / 65 hendaklah selaras dengan dasar-dasar kerajaan.
10. Agensi Penyelaras Insurans hendaklah membekalkan perangkaan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengenai bilangan, jenis perniagaan yang dijalankan dan tarikhnya pada tiap-tiap tahun.
11. Setiap Agensi Penyelaras Insurans adalah dikehendaki mengambil perlindungan insurans bagi anggota pekerja dan barang-barangnya.
12. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan di atas akan mengakibatkan penarikan balik lesen agensi berkenaan.

**BORANG F**

Ibu Pejabat/Cawangan: \_\_\_\_\_

Bulan: \_\_\_\_\_

Bil	Nama Pekerja	Nombor Kad Pengenalan	Tarikh Lahir	Tempat Lahir	Taraf Warga negara	Keturunan	Jantina	Alamat	Tarikh Masuk Kerja	Jawatan	Tapisan Keselamatan	No. KWSP	No. Socso	Bekas Polis/ Tentera & Nombor

**BAHAGIAN C**  
**BORANG TENDER**

**BORANG INI HENDAKLAH DIGUNAKAN JIKA KUANTITI  
MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KONTRAK  
( THIS FORM IS TO BE USED WHERE QUANTITIES FORM  
PART OF THE CONTRACT)**

**Kontrak No :** .....tahun 20.....bagi  
**Contract No:** ..... of ..... for

Kerja-Kerja tersebut dibawah ini yang dibuat pada .....haribulan  
*The under – mentioned Work entered into on the day of*

..... 20 ..... oleh pihak - pihak yang bertandatangan di  
*by the undersigned parties,*

bawah ini, adalah berhubung dengan Borang Tender ini yang menjadi sebahagian  
*refers to this Form of Tender which is and shall be read*

daripada Kontrak tersebut dan yang hendaklah dibaca dan diertikan sedemikian.  
*And construed as part of the said Contract.*

.....  
Tandatangan Kontraktor  
*Singnature of Contractor*

.....  
Tandatangan Pegawai  
*Singnature of Officer*

(Nama Penuh.....)  
*Name in Full*

(Nama Penuh.....)  
*Name in Full*

Atas Sifat.....  
*In the capacity of*

Jawatan.....  
*Designation*

yang diberi kuasa dengan sempurnanya  
untuk menandatangani untuk dan bagi pihak  
*duly authorized to sign for and on behalf of*

Untuk dan bagi pihak  
**Syarikat Air Melaka Berhad**  
*For and on behalf of*  
**Syarikat Air Melaka Berhad**

.....  
Meteri atau cap Kontraktor  
*Contractor's seal or chop*

Saksi.....  
*Witness*

Saksi.....  
*Witness*

(Nama Penuh.....)  
*Name in Full*

(Nama Penuh.....)  
*Name in Full*

Pekerjaan.....  
*Occupation*

Jawatan.....  
*Designation*

Alamat.....  
*Address*

# SYARIKAT AIR MELAKA AIR BERHAD

## BORANG TENDER (FORM OF TENDER)

TENDER BAGI.....  
TENDER FOR

### **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

mengikut Pelan-Pelan No .....  
in accordance with Drawing Nos.

dan lain-lain pelan terperinci yang diberi untuk menerangkannya.  
and any other detail drawing supplied in amplification thereof.

Salinan - salinan Dokumen Meja Tender yang merangkumi Perjanjian Kontrak,  
Copies of the Tender Table Documents comprising the Contract Agreement,

Pelan-pelan tersebut di atas, Spesifikasi dan Dokumen Tender yang lain boleh dilihat di tempat yang  
the above - mentioned Drawings, Specification and other Tender Documents may be seen at the place

dinyatakan dalam Notis Tender dalam masa waktu pejabat pada mana - mana hari bekerja  
specified in the Tender Notice during office hours on any working day

hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender.  
until the final date fixed for the submission of tenders.

Kepada :  
To :

**Ketua Pegawai Esekutif.....**  
**Syarikat Air Melaka Berhad.....**  
**Lot 897, Wisma Air.....**  
**Jalan Hang Tuah.....**  
**75300 Melaka.....**  
(Pihak menerima tender)

TUAN,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat - Syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersama ini,  
Under and subject to the Conditions of Tendering annexed hereto,

yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat tender dan menawar untuk  
the undersigned does hereby tender and offer to

melaksana dan menjalankan Kerja - kerja dan peruntukan - peruntukan dan membekalkan semua  
execute and perform the Works and provisions and supply all

buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap - tiap jenis yang masing - masing disebut,  
labour, materials and plants and everything of every kind respectively named,

ditunjuk, diperihal dan dimasudkan dalam atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen  
shown, described and alluded to in, or to be inferred from the Tender

Tender, yang hendaklah dilaksanakan dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja - kerja yang  
Documents, to be executed and supplied on the part of Contractor, for the Works

diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Tender tersebut bagi jumlah wang pukal yang  
above described, in conformity with the Tender Documents for the lump sum

disebutkan di bawah ini.  
named herein below.



sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan of the same amount. The undersigned agrees that this Tender shall remain sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang valid and shall not be withdrawn within ninety (90) days from the final date ditetapkan bagi penyerahan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji fixed for the submission of tenders and agrees that no other term, condition or stipulation lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut. shall be imposed by us after the said date.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Tender ini disetujuterima, mendeposit, The undersigned agrees, in the event of acceptance of this Tender, to deposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setujuterima Tender tetapi sebelum as soon as is practicable after the receipt of the Letter of Acceptance of Tender but before the bermulanya Kerja-Kerja, perkara-perkara berikut: commencement of the Works, the followings:

- (a) Bon Perlaksanaan;  
*Performance Bond;*
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang Insurance Policy for Public Liability (i.e. insurance against injury to persons dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan beserta dengan resit bagi premium yang and damage to property or the Cover Notes together with receipts of premium paid in telah dibayar; respect thereof;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan / atau Registration number under Employee's Social Security (SOCSO) Scheme; and / or
- (d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja atau Nota Liputan beserta dengan resit bagi premium Insurance Policy for Workmen's Compensation or the Cover Notes together with receipts yang telah dibayar. of premium paid in respect thereof.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi Insurans bagi Kerja- The undersigned further agrees to deposit the Insurance Policy for the Works Kerja itu dan melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam masa yang munasabah And to execute the formal Contract Agreement within a reasonable time selepasnya itu. thereafter.

8. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini The undersigned hereby also agrees that this Form of Tender together berserta Surat Setujuterima Tender ini (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat with the Letter of Acceptance of Tender (if any) shall constitute a binding contract antara kita walaupun Perjanjian Kontrak yang formal belum dilaksanakan. between us notwithstanding that a formal Contract Agreement has not been executed.

9. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen- The undersigned confirms, after a personal scrutiny, that the documents dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun and drawings used by the undersigned in compiling Tender ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang this Tender are true copies of the documents and drawings included dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender. in the Tender Table Documents.

10. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa: The undersigned agrees that:

- (a) jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh if this Tender is withdrawn before the expiry of the Tender Validity Period or any lanjutan, atau extended period thereof, or

- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji  
*if the undersigned imposes any additional terms, condition or stipulation*  
 tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender,  
*to the Tender after the final date fixed for the submission of tenders,*  
 atau  
*or*
- (c) jika sekiranya Tender telah disetujui, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan  
*in the event that the Tender having been accepted, the undersigned refuses and*  
 tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan  
*fails to execute the formal Contract Agreement or to deposit the Performance Bond*  
 sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja - Kerja  
*as required by the Conditions of Contract or fails to proceed with the Works;*

maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya,  
*then, in any of such event, without prejudice to any other rights it may possess, the*

Syarikat Air Melaka Berhad sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan  
*Syarikat Air Melaka Berhad reserves the rights to take disciplinary action against the undersigned or to*

di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah sebagai kontraktor  
*cancel the registration of the undersigned as a Syarikat Air Melaka Berhad contractor, as the*

Syarikat Air Melaka Berhad sebagaimana difikirkan perlu oleh Syarikat Air Melaka Berhad.  
*Syarikat Air Melaka Berhad deems fit.*

Bertarikh pada.....haribulan....., 20.....  
*Dated this day of 20*

.....  
 Tandatangan Pentender  
*Signature of Tenderer*

Nama Penuh.....  
*Name in Full*

Atas sifat.....  
*In the capacity of*

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya  
 Untuk menandatangani Tender ini untuk  
 Dan bagi pihak:  
*duly authorised to sign this Tender for and on behalf of:*

.....  
 Menteri atau cap Pentender  
*Tenderer's seal or chop*

Saksi.....  
*Witness*

Nama Penuh.....  
*Name in full*

Pekerjaan.....  
*Occupation*

Alamat.....  
*Address*

**BAHAGIAN D**

**SURAT AKUAN PEMBIDA DAN SURAT AKUAN  
PEMBIDA BERJAYA**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

### PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

**No Rujukan Tawaran : SAMB/16/2026**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ..... (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat

boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku..

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :.....  
Nama :.....  
No.K/P :.....  
Tarikh :.....  
Cop Syarikat :.....

Catatan:

- i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan

Pihak Syarikat :Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan :Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

## **SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

### **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN GRAHA MAJU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**No Rujukan Tawaran : SAMB/16/2026**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan;
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ..... (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :.....  
Nama :.....  
No.KP :.....  
Tarikh :.....  
Cop Syarikat :.....

Catatan:

- i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN  
PEROLEHAN SAMB**

**"Penamatan mengenai rasuah, aktiviti menyalahi undang-undang atau tidak sah"**

(a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain Lembaga SAMB, jika [syarikat/firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah undang-undang bagi rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau menyalahi undang-undang berhubung dengan [perjanjian/kontrak] ini atau mana-mana perjanjian yang [syarikat/firma] itu mungkin ada dengan SAMB, yang SAMB berhak untuk menamatkan [perjanjian/kontrak] ini pada bila-bila, dengan memberi notis bertulis serta merta bagi maksud itu kepada [syarikat/firma].

(b) Jika penamatan berlaku, SAMB berhak untuk mendapat balik semua kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang dilakukan oleh SAMB yang timbul daripada penamatan tersebut.

(c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa [syarikat/firma] tidak layak menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, kerosakan, tuntutan atau apa jua selepas penamatan [perjanjian/kontrak] ini.

**BAHAGIAN E**

**SURAT SETUJUTERIMA TENDER (SAMB 100D)**

**SURAT SETUJUTERIMA TENDER  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

**NO KONTRAK** : \_\_\_\_\_

Untuk pembekalan/perkhidmatan yang disebutkan di bawah ini dibuat pada haribulan \_\_\_\_\_ 2026 oleh pihak-pihak yang bertandatangan di bawah ini, merujuk kepada Surat Setuju Terima Tender yang menjadi sebahagian daripada kontrak tersebut dan yang hendaklah dibaca dan diertikan sedemikian

